

Pernyataan Privasi IBM

Pernyataan Privasi ini berkuat
kuasa bermula 26 April 2022

Hubungi Kami



Site feedback

Pengenalan

Maklumat Peribadi yang Kami Kumpulkan dan Gunakan

Berkongsi Maklumat Peribadi

Maklumat Pengawal dan Wakil

Keselamatan dan Pengekalan Maklumat

Hak Anda

Asas Undang-Undang

Kemas Kini Pernyataan Privasi

Pengenalan

Di IBM kami menghargai privasi anda dan komited untuk melindungi serta memproses maklumat peribadi anda dengan penuh tanggungjawab.

Pernyataan privasi ini menerangkan cara IBM mengumpulkan, menggunakan dan berkongsi maklumat anda. Ia terpakai kepada IBM Corporation dan anak syarikat IBM kecuali jika anak syarikat mempunyai pernyataannya sendiri tanpa merujuk kepada pernyataan privasi IBM.

Kami mungkin memberikan maklumat privasi data tambahan dengan menggunakan notis privasi tambahan.

Maklumat Peribadi yang Kami Kumpulkan dan Gunakan

Bahagian ini menerangkan pelbagai jenis maklumat yang kami kumpulkan dan cara kami menggunakannya.

[Site feedback](#)

Akaun Anda

Anda boleh membuat akaun dengan IBM melalui penciptaan IBMid. IBMid akan memberikan nama, alamat e-mel dan negara atau wilayah tempat tinggal anda kepada IBM. Kami mungkin memerlukan IBMid bagi perkhidmatan tertentu, seperti penggunaan [perkhidmatan Awan dan dalam talian IBM](#).

Kami juga boleh menyimpan maklumat anda daripada maklumat hubungan perniagaan yang anda berikan kepada kami, atau yang kami kumpulkan daripada organisasi anda, Rakan Kongsi Perniagaan kami atau pembekal kami.

[Ketahui Lebih Lanjut](#)





Laman Web IBM

Laman web kami menawarkan cara untuk berkomunikasi dengan anda tentang kami, produk dan perkhidmatan kami. Maklumat yang kami kumpulkan di laman web digunakan untuk memberi anda akses ke laman web, mengendalikan laman web, meningkatkan pengalaman anda dan memperibadikan cara maklumat diberikan kepada anda. Sekiranya anda melayari laman web kami tanpa mendaftar masuk menggunakan [akaun](#), kami masih boleh mengumpulkan maklumat yang bersambung dengan lawatan laman web anda.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang teknologi yang kami gunakan untuk mengumpulkan maklumat laman web, dan untuk menetapkan keutamaan anda, lihat [Kuki dan Teknologi Serupa](#).

Site feedback

Ketahui Lebih Lanjut



Perkhidmatan Awan dan Dalam Talian IBM

Perkhidmatan awan dan dalam talian kami merangkumi “sebagai perkhidmatan” dan aplikasi desktop, aplikasi mudah alih (atau aplikasi) dan perkhidmatan Pembelajaran IBM. Kami mengumpulkan maklumat tentang penggunaan perkhidmatan ini, seperti halaman yang anda lihat atau interaksi anda di halaman tersebut, untuk menambah baik dan membangunkan perkhidmatan kami serta untuk menjana cerapan teknikal dan pasaran. Kami mungkin memerlukan IBMid

bagi penggunaan perkhidmatan awan dan dalam talian kami (lihat [Akaun Anda](#)).

Ketahui Lebih Lanjut



Site feedback

Pemasaran

Kami menggunakan maklumat yang kami kumpulkan untuk berkomunikasi dengan anda tentang produk, perkhidmatan dan tawaran yang relevan. Kami juga menggunakan maklumat ini untuk memperibadikan pengalaman anda dengan kandungan dan iklan kami serta untuk membangunkan pemasaran dalaman dan kecerdasan perniagaan. Untuk menetapkan atau mengemas kini keutamaan komunikasi pemasaran anda, lawati [Pusat Keutamaan Privasi IBM](#). Anda juga boleh menyerahkan [permintaan tarik diri](#), atau memilih **Nyahlanggan** di bahagian bawah setiap e-mel pemasaran. Untuk menyemak atau menetapkan keutamaan anda berkenaan dengan maklumat yang kami kumpulkan tentang anda di laman web kami, pilih **Keutamaan Kuki** pada pengaki laman web.

Ketahui Lebih Lanjut





Perhubungan Kontrak

Perhubungan kontrak dicipta apabila anda menempah percubaan, atau produk atau perkhidmatan daripada kami. Walaupun kami selalunya menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada perniagaan, individu juga boleh mengikat perjanjian dengan kami secara langsung sebagai pelanggan. Kami mungkin mengumpulkan apa-apa maklumat yang diperlukan secara wajar untuk menyediakan, mengikat dan memenuhi perjanjian kontrak.

[Site feedback](#)

Ketahui Lebih Lanjut



Perkhidmatan Sokongan

Apabila anda menghubungi kami untuk meminta sokongan, kami akan mengumpulkan maklumat hubungan anda, perincian masalah dan penyelesaian yang mungkin. Kami akan merekodkan maklumat yang diberikan untuk mengendalikan pertanyaan sokongan, untuk tujuan pentadbiran, untuk menjalin hubungan kami dengan anda, untuk latihan kakitangan dan untuk tujuan jaminan kualiti.

Ketahui Lebih Lanjut



Melindungi Anda dan IBM

Kami mungkin mengumpulkan dan menggunakan maklumat untuk melindungi anda dan IBM daripada ancaman keselamatan IT dan untuk melindungi maklumat yang kami simpan daripada akses, pendedahan, pindaan atau pemusnahan yang tidak diizinkan. Ini termasuk maklumat daripada sistem pengesahan akses IT kami, seperti maklumat log masuk.

Site feedback

Ketahui Lebih Lanjut



Lokasi IBM

Apabila anda melawat lokasi IBM, kami mengumpulkan nama atau maklumat hubungan perniagaan anda (lihat [Akaun Anda](#)), dan, dalam sesetengah kes, maklumat daripada ID yang dikeluarkan oleh kerajaan. Maklumat ini dikumpulkan untuk pengurusan akses dan untuk melindungi keselamatan lokasi dan pekerja

kami.

Ketahui Lebih Lanjut



Site feedback

Perekrutan dan Bekas Pekerja

Kami sentiasa mencari bakat baharu untuk organisasi kami, dan kami mengumpulkan maklumat tentang pemohon pekerjaan atau bakal calon daripada beberapa sumber. Pemohon dirujuk kepada [Notis Privasi Perolehan Bakat](#) untuk maklumat lanjut. Apabila seorang pekerja meninggalkan IBM, kami terus memproses maklumat yang berkaitan dengan mereka untuk tujuan mana-mana perniagaan, kontrak, pekerjaan, undang-undang dan fiskal yang masih ada, termasuk pengurusan pencen setakat yang dikendalikan oleh IBM.

Ketahui Lebih Lanjut





Menjalankan Operasi Perniagaan kami

Kami mengumpulkan dan menggunakan maklumat untuk menambah baik operasi, sistem dan proses perniagaan kami. Sebagai contoh, maklumat mungkin digunakan untuk menjalankan, mengekalkan, mengaudit dan mengoptimumkan operasi kami, untuk melindungi aset dan pekerja kami, untuk pembangunan produk dan untuk mempertahankan hak kami.

[Ketahui Lebih Lanjut](#)

[Site feedback](#)



Kuki dan Teknologi Serupa

Apabila anda melawat laman web kami, perkhidmatan awan dan dalam talian, produk perisian, atau melihat kandungan kami di laman web pihak ketiga tertentu, kami mengumpulkan maklumat berkenaan sambungan anda dengan menggunakan pelbagai teknologi penjejak dalam talian, seperti kuki, bicon web, Storan Tempatan atau HTML5. Maklumat yang dikumpulkan dengan teknologi ini mungkin diperlukan untuk mengendalikan laman web atau perkhidmatan, untuk meningkatkan prestasi, untuk membantu kami memahami cara perkhidmatan dalam talian kami digunakan, atau untuk menentukan minat pengguna kami. Kami menggunakan rakan kongsi pengiklanan untuk menyediakan dan membantu penggunaan teknologi sedemikian di IBM dan laman web lain.

[Ketahui Lebih Lanjut](#)



Kanak-kanak

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, laman web, produk dan perkhidmatan kami tidak dimaksudkan untuk digunakan oleh kanak-kanak di bawah usia 16 tahun.

[Site feedback](#)

Berkongsi Maklumat Peribadi

Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda secara dalaman dan luaran dengan pembekal, penasihat atau Rakan Kongsi Perniagaan bagi tujuan perniagaan IBM yang sah, dan hanya berdasarkan keperluan untuk mengetahui. Bahagian ini menerangkan cara kami berkongsi maklumat dan cara kami memudahkan perkongsian itu.

Cara Kami Berkongsi Maklumat Peribadi

Semasa berkongsi maklumat peribadi, kami akan menjalankan pemeriksaan dan kawalan yang sesuai untuk mengesahkan bahawa maklumat tersebut boleh dikongsi.

Jika kami memutuskan untuk menjual, membeli, menggabungkan atau menyusun semula perniagaan di beberapa negara, transaksi tersebut mungkin melibatkan pendedahan sesetengah maklumat peribadi kepada bakal pembeli perniagaan atau pembeli perniagaan sebenar, atau pengumpulan maklumat peribadi daripada orang yang menjual perniagaan sedemikian.

[Ketahui Lebih Lanjut](#)

[Site feedback](#)

Memudahkan Pemindahan Antarabangsa

Maklumat anda mungkin dipindahkan ke atau diakses oleh anak syarikat IBM dan pihak ketiga di seluruh dunia. IBM mematuhi undang-undang tentang pemindahan maklumat peribadi di antara negara untuk memastikan maklumat peribadi anda dilindungi, di mana-mana sahaja ia berada.

Kami telah melaksanakan pelbagai perlindungan termasuk:

- Fasal Kontrak, seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya EU dan diterima di beberapa negara lain. Anda boleh meminta salinan Fasal Kontrak Standard EU (EU SCC) dengan memilih **Hubungi Kami** pada pengepala halaman ini.
- Peraturan Korporat Terikat untuk Pengawal (IBM BCR-C). Kami mempunyai BCR-C yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perlindungan Data Eropah dan Pejabat Pesuruhjaya Maklumat UK. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat [Peraturan Korporat Terikat Pengawal IBM](#).
- Amalan privasi IBM, yang diterangkan dalam Pernyataan Privasi ini, mematuhi Rangka Kerja Peraturan Privasi Merentas Sempadan APEC. Sistem [Peraturan Privasi Merentas Sempadan APEC](#) (CBPR) memberikan perlindungan maklumat peribadi yang dipindahkan antara [ekonomi APEC](#) yang mengambil bahagian kerana ia berkaitan dengan maklumat dalam talian yang dikumpulkan melalui [ibm.com](#).

Walaupun Kerangka Perisai Privasi EU-AS dan Switzerland-AS tidak lagi boleh disandarkan bagi pemindahan Maklumat Peribadi, kami terus mematuhi semua kewajipan Kerangka Perisai Privasi EU-AS dan Kerangka Perisai Privasi Switzerland-AS. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat [Dasar Privasi Perisai Privasi IBM](#) dan [Jabatan Perdagangan AS](#).

Maklumat Pengawal dan Wakil

IBM menjalankan perniagaan melalui anak syarikatnya di seluruh dunia. Undang-undang privasi di sesetengah negara menganggap Pengawal sebagai entiti undang-undang (atau orang sebenar) yang menentukan tujuan pemprosesan maklumat peribadi berlaku dan cara maklumat itu diproses. Pihak yang terlibat dalam operasi pemprosesan bagi pihak Pengawal boleh digelar sebagai Pemproses. Gelaran dan kewajipan yang berkaitan berbeza, bergantung pada bidang kuasa.

Jika hal ini relevan dengan undang-undang privasi di negara anda, Pengawal maklumat peribadi anda ialah anak syarikat utama IBM di negara atau wilayah anda, melainkan International Business Machines Corporation (IBM Corp). atau anak syarikat IBM yang lain mengenal pasti dirinya sebagai Pengawal bagi interaksi khusus dengan anda.

Maklumat hubungan anak syarikat utama negara atau wilayah kami boleh didapati dengan memilih negara atau wilayah anda dan memilih Kenalan di bahagian pengaki laman web [ibm.com](https://www.ibm.com). IBM Corp. boleh dihubungi melalui: International Business Machines Corporation, 1, North Castle Drive, Armonk, New York, United States of America.

Jika IBM Corp. atau anak syarikat yang dikawalanya dikehendaki melantik wakil sah, wakil-wakil berikut telah dilantik.

Kawasan Ekonomi Eropah (EEA)	▼
United Kingdom (UK)	▼

[Site feedback](#)

Keselamatan dan Pengekalan Maklumat

Untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada akses, penggunaan dan pendedahan yang tidak diizinkan, kami melaksanakan perlindungan fizikal, pentadbiran dan teknikal yang wajar. Perlindungan ini merangkumi kawalan akses berasaskan

peranan dan penyulitan untuk memastikan maklumat peribadi sulit semasa pemindahan. Kami juga meminta Rakan Kongsi Perniagaan, pembekal dan pihak ketiga kami agar melaksanakan perlindungan yang sesuai, seperti terma kontrak dan sekatan akses, untuk melindungi maklumat daripada akses, penggunaan dan pendedahan yang tidak diizinkan.

Kami hanya mengekalkan maklumat peribadi selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan maklumat peribadi diproses, atau untuk mematuhi keperluan pengekalan dari segi undang-undang dan peraturan. Keperluan pengekalan dari segi undang-undang dan peraturan mungkin merangkumi menyimpan maklumat untuk:

- tujuan audit dan perakaunan,
- terma pengekalan berkanun,
- pengendalian pertikaian,
- dan pemantapan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang di negara yang kami jalankan perniagaan.

Kami mengekalkan mana-mana maklumat perhubungan kontrak untuk tujuan pentadbiran, keperluan pengekalan dari segi undang-undang dan peraturan, mempertahankan hak IBM, dan untuk mengurus hubungan IBM dengan anda. Maklumat yang diberikan dalam notis privasi tambahan mungkin akan memberikan maklumat yang lebih terperinci tentang terma pengekalan yang terpakai.

Apabila maklumat peribadi tidak lagi diperlukan, kami mempunyai proses untuk memadamkannya secara selamat, misalnya dengan memadamkan fail elektronik dan mencincang rekod fizikal.

[Site feedback](#)

Hak Anda

Anda mempunyai hak tertentu dalam pengendalian maklumat peribadi anda. Borang **Hubungi Kami** pada pengepala halaman ini boleh digunakan untuk:

- meminta akses kepada maklumat peribadi yang kami simpan tentang anda atau mengemas kini maklumat tersebut. Bergantung pada undang-undang yang terpakai, anda mungkin mempunyai hak tambahan berkenaan maklumat peribadi anda.
- mengajukan soalan yang berkaitan dengan Pernyataan Privasi dan amalan privasi ini. Mesej anda akan dimajukan kepada ahli Pasukan Privasi Data IBM yang berkenaan, termasuk Pegawai Perlindungan Data yang bertanggungjawab.
- menyerahkan aduan kepada IBM jika anda tidak berpuas hati dengan cara IBM

memproses maklumat peribadi anda.

Hak anda mungkin tertakluk pada pembatasan dan pengecualian yang disebabkan oleh undang-undang yang terpakai. Sebagai contoh, mungkin terdapat situasi yang kami tidak dapat berkongsi maklumat tertentu yang anda cari jika pendedahan ini bermaksud pendedahan maklumat tentang orang lain.

Anda juga berhak mengadu kepada pihak berkuasa penyeliaan yang kompeten. Maklumat tentang hak tambahan dan hak untuk mengadu kepada pihak berkuasa penyeliaan yang berwibawa boleh didapati [di sini](#).

Sekiranya anda mempunyai kebimbangan privasi atau penggunaan data yang belum diselesaikan dan yang kami tidak tangani dengan memuaskan, sila hubungi pembekal penyelesaian pertikaian pihak ketiga kami yang berpusat di A.S. (secara percuma) [di sini](#).

Untuk menetapkan atau mengemas kini keutamaan komunikasi pemasaran anda, lawati [Pusat Keutamaan Privasi IBM](#). Anda juga boleh menyerahkan [permintaan tarik diri](#), atau memilih **Nyahlanggan** di bahagian akhir setiap e-mel pemasaran.

[Site feedback](#)

Asas Undang-Undang

Dalam sesetengah bidang kuasa, pengendalian maklumat peribadi yang sah tertakluk pada justifikasi, kadangkala disebut sebagai asas undang-undang. Asas undang-undang yang kami sandarkan bagi pengendalian maklumat peribadi anda yang sah berbeza bergantung pada tujuan dan undang-undang yang terpakai.

Asas undang-undang berbeza yang kami gunakan adalah:

Perlu untuk pelaksanaan kontrak dengan anda



Diperlukan untuk tujuan kepentingan sah IBM atau pihak ketiga



Melalui
Persetujuan



Kewajipan Undang-Undang



Pautan Lain

[Pernyataan Privasi Tambahan California](#)



[Dasar Privasi IBM untuk Perkhidmatan Awan IBM yang Diperakui](#)



[Peraturan Korporat Pengikatan Pengawal IBM](#)



[IBM Trust Center](#)



[Portal Privasi IBM](#)



Site feedback



Privasi sebelumnya tersedia [di sini](#).

